

RM62.9 juta diperlukan tangani banjir kilat



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti menengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my

“
Sekiranya mendapat peruntukan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan, pelaksanaan projek baik pulih sistem perparitan dapat disegerakan”

Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah

di kawasan kejirannya di sekitar Dewan Sentosa, di sini, sudah lama dihadapi penduduk berpunca daripada masalah perparitan.

“Saya sudah lama tinggal di sini dan kawasan ini memang selalu dilanda banjir kilat. Setiap kali hujan lebat, pasti kawasan ini mengalami banjir kilat sehingga sebahagian penduduk terpaksa membuat penghadang di hadapan rumah bagi mengelak banjir,” katanya.



Mukhriz (kanan) melihat **kawasan longkang yang sering dinaiki air** ketika hujan menyebabkan banjir kilat di sekitar Taman Alor Setar, Jalan Teluk Wanjah.

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

kurangan dana untuk membaiki pulih kawasan yang dilanda banjir kilat ketika ini.

“Bagaimanapun, hari ini, saya bersama Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan negeri, Badrolhisham Hashim akan usulkan isu ini kepada Kerajaan Persekutuan memohon peruntukan secukupnya.

“Sekiranya mendapat peruntukan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan, pelaksanaan projek baik pulih sistem perparitan dapat disegerakan,” katanya ketika ditemui selepas membuat tinjauan di kawasan yang sering dilanda banjir kilat di sekitar bandar raya ini, baru-baru ini.

Mukhriz berkata, berdasarkan

tinjauan, pihaknya mengenal pasti masalah sistem perparitan tidak sistematik dan terlalu lama menjadi punca banjir kilat di beberapa lokasi sekitar kawasan ini.

Masalah sudah lama dihadapi Sementara itu, Zabedah Mat Isa, 63, berkata masalah banjir kilat

» **Kedah kekurangan peruntukan baik pulih sistem perparitan**

Oleh **Husniyah Ghazali**
bhnews@bh.com.my

■ **Alor Setar**

Kerajaan negeri memerlukan peruntukan berjumlah RM62.9 juta bagi mengatasi masalah banjir kilat yang melanda beberapa kawasan sekitar bandar raya ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata selain RM60 juta sebagai peruntukan pelaksanaan projek baik pulih jangka panjang, baki RM2.9 juta lagi diperlukan untuk melaksanakan langkah mengatasi banjir kilat jangka pendek.

Kekurangan peruntukan

Beliau berkata, kerajaan negeri pada masa ini kekurangan peruntukan bagi membaiki pulih sistem perparitan yang menjadi antara punca banjir kilat di beberapa kawasan.

Beliau berkata, kerajaan negeri berjanji akan menyuarakan isu berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan.

“Saya akui kerajaan negeri ke-